



# SEMINAR KEPIMPINAN POLITIK MELAYU SEMASA

Dirasmikan Oleh

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad,

Pengarah Eksekutif Merangkap Ketua Pengarang Kumpulan,

New Straits Times Press (M) Berhad

M  
324.2595121

SEM

f

Hilton Petaling Jaya  
Sabtu 25 Oktober 2003



Muslim Business Networking Foundation ditubuhkan pada 4 Julai 1997 dan bergiat dalam aktiviti ceramah dan seminar, menerbitkan risalah dan kenyataan-kenyataan untuk kepentingan orang Melayu dan agama Islam, dan menggalakkan perbincangan yang berkait dengan isu-isu semasa, politik dan sejarah.

Book Program Design By  
**PRIME EVENTS SDN. BHD.**  
Tel: 03-9283 1316



*Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad,*

*Pengarah Eksekutif Merangkap  
Ketua Pengarang Kumpulan,  
The New Straits Times Press (M) Berhad*

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah *Muslim Business Networking Foundation* kerana mengambil daya usaha dan bersemangat tinggi untuk menganjurkan "Seminar Kepimpinan Melayu Semasa" di Hotel Hilton Petaling Jaya.

Pada pendapat saya, inilah masanya perbincangan dan perdebatan mengenai segala masalah orang Melayu diperincikan secara serius, objektif, jujur dan kerana sayangkan bangsa dan agama patut diadakan.

Negara kita, khususnya orang Melayu, kini sedang berada ditahap yang kritis dan genting dalam menghadapi masalah dan cabaran globalisasi dan lain-lain dan kita mesti mencari jalan segera mengatasinya.

Oleh itu saya berharap dan berdoa agar "Seminar Kepimpinan Politik Melayu Semasa" ini akan dapat mengupas segala masalah yang timbul dalam masyarakat Melayu yang berada diambang ketinggalan sekali lagi.

Masa sudah sampai untuk lebihkan aksi daripada berbicara dan bercakap.

24 MAR 2004  
NEKAM PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
APB01132265

TELAH DISEMAK



Dr. Alias Mohamed



Seminar "Kepimpinan Politik Melayu Semasa" mempunyai dua tujuan terpenting.

Tujuan pertama ialah untuk membincang dan memperbahaskan pelbagai isu di sekitar Kepimpinan Politik Melayu sejak tahun 1940an seperti diantaranya, kebolehan, ketokohan dan kemampuan memimpin rakyat dan negara; kejujuran dan sifat-sifat atau kualiti pemimpin disemua peringkat seperti cawangan, bahagian, negeri dan kerajaan pusat; skandal dan rasuah, persoalan moral di kalangan pemimpin dan topeng atau camouflange yang digunakan oleh

pemimpin apabila berdepan dengan Presiden Parti di satu pihak dan rakyat di satu pihak yang lain, dan akhirnya agama sebagai perisai baru dalam melunaskan cita-cita peribadi.

Kedua ialah untuk mengupas dan memberi penilaian kritis terhadap perjuangan orang Melayu dalam politik, misalnya, apakah yang telah dicapai dan apakah cabaran serta ujian kepada kepimpinan Melayu dan Islam masa hadapan dalam konteks sistem politik negara yang dipimpin oleh UMNO hari ini. Apakah gerak dan arah yang difikirkan dan dituju oleh kepimpinan Islam - Melayu dalam perkembangan politik baru semasa, termasuk kejutan-kejutan yang timbul daripada puak-puak yang taksu, ortodoks dan ekstremis agama dan cara-cara puak pelampau (ekstremism) dan *terrorism* global ditangani oleh musuh-musuh Islam.

Seminar ini juga akan cuba meneroka persoalan kontroversial calon-calon pilihanraya. Isu-isu yang begitu banyak yang bersangkutan dengan kepimpinan Melayu hari ini mungkin terlalu kompleks dan rumit untuk mendapatkan penyelesaian dalam satu atau dua seminar. Apatah lagi masalah-masalah yang ditimbulkan mungkin tidak dipedulikan sama sekali oleh pihak yang berkuasa. Namun sebagai anggota masyarakat yang bimbang dan khuatir terhadap survival Kepimpinan Politik Melayu adalah menjadi tanggungjawab kami dan setiap orang Melayu, walau apapun kedudukannya, lebih-lebih lagi yang berkuasa dan memegang tampok pemerintahan, untuk meningkatkan dirinya dan juga orang Melayu lain, termasuk para pemimpin, supaya mengambil tindakan tegas dan berani untuk menyelamatkan kuasa politik dan seterusnya menjamin masa depan generasi Melayu.

Oleh yang demikian, dengan sendirinya, seminar ini tidak mungkin dapat menghurai, apa lagi menyelesaikan masalah-masalah yang berdepan dengan orang Melayu hari ini dalam hanya satu seminar sahaja. Namun sesuatu langkah perlulah diambil, walaupun diperingkat yang paling lemah dan rendah, untuk menghurai masalah kepimpinan Melayu dan menyatakannya dengan jujur, berani dan objektif. Saya amat berharap seminar ini akan meneroka jalan kepada beberapa buah seminar dan ceramah yang melibatkan tokoh-tokoh yang sedia mahir dan *hands on* dalam pelbagai masalah orang Melayu untuk mencari jalan yang terbaik bagi faedah umum.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat, khususnya Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pengarang New Straits Times Press (M) Bhd, dan para peserta seminar kerana sumbangan dan usaha mereka untuk menjayakan seminar ini.

Mudah-mudahan usaha-usaha mereka yang baik itu dibalas Allah Subhanahu-wata'ala juu.

# Aturcara

- 2:30 ptg                    Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- 2:45 ptg                    Ketibaan Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad,  
Pengarah Eksekutif Merangkap Ketua Pengarang Kumpulan,  
*The New Straits Times Press (M) Berhad*
- 3:00 ptg                    Bacaan Doa
- 3:10 ptg                    Ucapan Pengerusi  
*Muslim Business Networking Foundation (MBNF),*  
Y.Bhg. Dr. Alias Mohamed
- 3:20 ptg                    Ucapan Perasmian Seminar dan Pelancaran Buku "Kelantan - Siapa  
Berani Cabar?" dan "Abu Bakar Hamzah : Satu Penilaian" oleh  
Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad, Pengarah Eksekutif  
dan Ketua Pengarang Kumpulan, *The New Straits Times Press*  
*(M) Berhad*
- 3:50 ptg                    Jamuan Hi-Tea
- 4:20 ptg                    Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdullah Ahmad Meninggalkan Majlis  
Diiringi Oleh Pengerusi Dan Ahli-ahli Jawatankuasa MBNF.
- 4:30 ptg                    Pembentangan Kertas-Kerja I  
*"Kepimpinan Politik Kelantan: Beberapa Isu Fundamental"*  
Oleh Y.Bhg. Encik Rahim Zain,  
Bekas Ketua Pengarah PORLA.
- 5:00 ptg                    Pembentangan Kertas-Kerja II  
*"Senator Abu Bakar Hamzah: Satu Penilaian"*  
Oleh Y.Bhg. Dr. Alias Mohamed,  
Bekas Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri.
- 5:30 ptg                    Sessi Pertanyaan
- 6:00 ptg                    Majlis Bersurai

TELAH DISEMAK

## Kepimpinan Politik Kelantan

Beberapa isu fundamental

Oleh: Rahim Zain

Kelantan ada dua aliran utama kepimpinan politik; satu berjuang menegak Islam berasaskan Al-Quran dan Hadith, dan satu lagi berjuang atas dasar kebangsaan dengan memilih cara pragmatis dan sekular. Dalam konteks kepimpinan Melayu yang dikatakan sekular adalah mereka yang mendahulukan apa yang difikir secara logik dan mengikut ilmu dunia dan falsafah serta undang-undang yang dicipta oleh manusia dan membelakangkan ajaran agama. Mulut mereka mengaku Islam tetapi perbuatan mereka melemahkan Islam. Dalam keadaan biasa yang sekular adalah sekular dan yang agama mendahulukan agama. Tetapi di Kelantan pemimpin-pemimpin yang terang-terang bergiat diatas landasan dan aliran politik sekular tidak mahu dikenali sebagai pemimpin sekular. Mereka mahu dikenali sebagai pemimpin Islam. Dalam keadaan demikian dan sebagai satu cara membeza mereka di Kelantan mereka bolehlah diabelkan sebagai pemimpin sekular dengan erti bahawa mereka Islam kerana hati mereka tersangkut dengan Islam datuk-nenek mereka sedangkan mereka sayang kepada dunia dan berpegang kepada pemikiran dan logik keduniaan dan undang-undang ciptaan manusia dengan rela hati. Mereka cukup liat untuk mencari ilham dari Al-Quran dan Hadith untuk panduan politik dan pentadbiran..

Nyata pada semua bahawa semenjak hari pertama Merdeka lagi rakyat Kelantan, sebahagian besarnya, berkehendakkan kepada politik yang mampu menadbir dan melaksanakan undang undang Islam sebagaimana yang wujud sebelum Kelantan dijajah dahulu. Keinginan ini tidak ada kena mengena dengan kehidupan kaum kaum yang tidak beragama Islam. Rakyat Kelantan mahu anak-anak dilahir, membesar dan hidup dalam pangkuan agama Islam, mengamal perintah Allah dan mati sebagai umat Islam yang sempat mencari keredhaanNya di dunia. Orang bukan Islam tidak dikehendaki dipaksa supaya tunduk kepada agama orang Melayu asalkan tatasusila terhadap agama rasmi negara dihormati. Di atas kehendak inilah kepimpinan politik Islam telah subur berakar umbi. Keadaan bertambah teguh dengan munculnya pemimpin-pemimpin yang berilmu Islam, berkewibawaan, bijaksana dan disayangi ramai dari semua kaum.

Pemimpin-pemimpin berwawasan perlu menjadikan pengikut-pengikut mereka tetap aktif dan berkomunikasi antara satu sama lain. Mereka mesti mempunyai matlamat yang jelas dan bergerak ke arah matlamat itu bersama masyarakat dengan penuh keyakinan dan bertanggungjawab. Rakyat Kelantan mudah berpaut kepada pemimpin yang berkedudukan, yang berwatak keagamaan, yang merendah diri, yang tidak ketinggalan ke majlis-majlis rakyat, dan yang ada atau mencari masa untuk menolong mereka yang bermasalah, terutama masalah-masalah kecil. Lain-lain ciri kepimpinan yang biasanya disenaraikan dalam buku-buku teks, walaupun baik, tidak menjadi buah mulut rakyat. Entah di mana mulanya, orang Kelantan seolah-olah gemar kepada pemimpin yang pandai jaga hati penyokong walaupun kerja-kerja penting kepimpinan tidak nampak dibuat. Tetapi apabila kemajuan dan pembangunan yang diharapkan dari pemimpin tidak muncul mereka juga mudah untuk menolak pemimpin-pemimpin itu.

Kepimpinan politik yang mahu balik memerintah Kelantan adalah jalinan dan susunan kepimpinan yang diasaskan atas sistem pecah belah. Di kalangan

---

Pemimpin-pemimpin politik di Kelantan tidak nampak ada rekod yang mereka berusaha bersungguh-sungguh, berusaha sedaya upaya untuk mencapai visi perjuangan orang Melayu. Pemimpin-pemimpin hanya pandai memukau rakyat dengan janji-janji. Mereka berkata mereka berjuang merempuh halangan dan rintangan untuk membawa Melayu ke tahap yang ada pada hari ini, tetapi sebenarnya mereka telah memilih jalan yang cukup mudah dengan segala macam kompromi. Mereka pandai menaikkan semangat Melayu tetapi tidak mampu dan tidak nampak membuat sesuatu yang mampu menjamin kedudukan Melayu.

---

---

Hasad-dengki membawa kepada tindakan sabotaj dan pengkhianatan ke atas mereka yang nampak akan naik. Yang ingin menjadi pemimpin besar mencantas pemimpin yang berpotensi besar. Yang bercita-cita tinggi lupa kepada politik sebagai perjuangan dan perkhidmatan. Keutamaan mereka kepada kepentingan diri membawa kepada gerakan menjatuhkan pemimpin lain.

---

mereka, ada sekurang-kurangnya lima jenis pemimpin, masing-masing dengan pengikut yang berpecah-belah dan dipecah-belah. Dari segi moral dan tingkah laku pemimpin-pemimpin politik Kelantan rata-rata boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama adalah orang baik-baik; kategori kedua adalah orang yang berpura-pura baik; dan kategori ketiga adalah orang yang tidak baik yang siang malam mencari jalan untuk mencari kuasa dan berkuasa mengikut cara yang tidak disukai oleh masyarakat. Hasad-dengki membawa kepada tindakan sabotaj dan pengkhianatan ke atas mereka yang nampak akan naik. Yang ingin menjadi pemimpin besar mencantas pemimpin yang berpotensi besar. Yang bercita-cita tinggi lupa kepada politik sebagai perjuangan dan perkhidmatan. Keutamaan mereka kepada kepentingan diri membawa kepada gerakan menjatuhkan pemimpin lain. Di kalangan orang-orang politik seperti itu di Kelantan tidak ada tanda-tanda keredaan dalam perbalahan dalaman. Empat lima orang yang bercita-cita menjadi ketua besar mempunyai penyokong dan strategi masing-masing. Belum nampak apa-apa perubahan ke arah formula untuk bersatu padu, walaupun ada jalan penyelesaian yang baik, mudah, dan terhormat.

Rakyat Kelantan mahu supaya orang politik membawa kemajuan dan kesejahteraan untuk mereka. Akibat dari kepimpinan yang berpecah-belah ahli-ahli dan penyokong di akar umbi berpecah belah. Masalah seperti itu tidak nampak dalam barisan kepimpinan Islam.

Pemimpin-pemimpin politik di Kelantan tidak nampak ada rekod yang mereka berusaha bersungguh-sungguh, berusaha sedaya upaya untuk mencapai visi perjuangan orang Melayu. Pemimpin-pemimpin hanya pandai memukau rakyat dengan janji-janji. Mereka berkata mereka berjuang merempuh halangan dan rintangan untuk membawa Melayu ke tahap yang ada pada hari ini, tetapi sebenarnya mereka telah memilih jalan yang cukup mudah dengan segala macam kompromi. Mereka pandai menaikkan semangat Melayu tetapi tidak mampu dan tidak nampak membuat sesuatu yang mampu menjamin kedudukan Melayu.

Di bawah pemimpin-pemimpin Melayu yang belum bersedia dan yang lebih mementingkan kedudukan dan jawatan dari isi dan erti perjuangan rakyat orang Melayu selama ini menjadi mangsa harapan tidak menjadi. Pemimpin-pemimpin seperti itu satu lepas satu datang dan pergi dengan meninggalkan kekecewaan kepada pengikut. Inilah juga diantara intipati dalam buku karangan saya *Kelantan: Siapa Berani Cabar?*

Di antara banyak isu fundamental yang rakyat nampak ialah yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut yang diperturunkan dengan tidak mengikut berat ringannya masalah itu:

1. Ketaqwaan
2. Keikhlasan
3. Ilmu
4. Pendedahan
5. Menyohor-nyohor
6. Rasa tidak boleh diganti
7. Berpuak-puak
8. Karisma
9. Moral etc. etc. etc. yang boleh dibincang kelak.

Saya akan cuba mengupas tajuk-tajuk diatas sambil mencari jawapan kepada persoalan kepimpinan dan pentadbiran Negeri Kelantan yang diperlukan. Sekian.

---



---

Empat lima orang yang bercita-cita menjadi ketua besar mempunyai penyokong dan strategi masing-masing. Belum nampak apa-apa perubahan ke arah formula untuk bersatu padu, walaupun ada jalan penyelesaian yang baik, mudah, dan terhormat.

---

## Abu Bakar Hamzah : Satu Penilaian

Oleh: Dr. Alias Mohamed

Kewujudan dan survival PAS di bawah tujuh Presidennya sejak tahun 1951 mewarnakan parti itu dengan pelbagai gaya atau stail yang banyak mencorakkan watak kepimpinan dan pentadbiran parti. Kesan dari watak dan ciri kepimpinan para pemimpinnya dari Haji Ahmad Fuad bin Hassan, Dr. Haji Abbas Alias, Dr. Burhanuddin El-Helmi, Datuk Haji Mohd Asri bin Haji Muda hingga ke Datuk Haji Fadhil Nor dan kini Datuk Haji Abdul Hadi bin Awang merebak dan mempengaruhi dasar-dasar kerajaan dan parti Islam lain saingan PAS, iaitu UMNO, yang memimpin parti-parti bukan Melayu lain untuk menerajui negara.

Dalam tahun 1965 Datuk Haji Mohd Asri bin haji Muda (kemudian Tan Sri) memimpin PAS setelah Presidennya, Dr. Burhanuddin El-Helmi, ditahan kerana terlibat dalam komplot dengan musuh kerajaan untuk menubuhkan kerajaan buangan di Karachi. Dalam tahun 1964 Timbalan Presiden PAS, Ustaz Zulkifli Muhammad meninggal dunia dalam nahas jalanraya di Terengganu, yang demikian meninggalkan kawasan Parlimen Bachok (Kelantan) ditandingi oleh Abu Bakar Hamzah, seorang tokoh muda, berusia 39 tahun, yang sedang meningkat naik dalam PAS. Selain bersahabat baik dengan Ustaz Zulkifli, beliau juga kontemporari Ustaz Othman Abdullah dan Ustaz Hassan Ali.

Kemenangan Abu Bakar Hamzah dalam pilihanraya kecil Parlimen Bachok dalam tahun 1964 merapatkan lagi hubungannya dengan Presiden PAS, Datuk Asri. Dalam Pilihanraya Umum 1969 Abu Bakar Hamzah dipindahkan bertanding di kawasan Negeri Sanglang di Perlis yang sebelumnya diumumkan oleh Datuk Asri akan menjadi Menteri Besar Perlis jika Abu Bakar Hamzah dan PAS dapat menawan negeri itu. Sungguhpun kalah di Sanglang, Abu Bakar Hamzah kemudian dilantik menjadi Setiausaha Agung PAS dalam tahun 1972. Beliau pernah menjadi Ketua Pemuda PAS Pusat selama 10 tahun dalam tahun 1958 dan juga pernah memangku jawatan Setiausaha Agung PAS yang diambil alih daripada Ustaz Othman Abdullah (1960). Dalam tahun 1972 beliau kembali memegang jawatan Setiausaha Agung di samping dilantik sebagai Senator. Ini adalah era Abu Bakar Hamzah dalam PAS.

Ketokohan beliau diiktiraf. Peranan beliau dibalas. Ustaz Bakar memegang jawatan Ketua Pemuda PAS Pusat selama 10 tahun ketika PAS dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dan Datuk

---

Ketokohan beliau diiktiraf. Peranan beliau dibalas. Ustaz Bakar memegang jawatan Ketua Pemuda PAS Pusat selama 10 tahun ketika PAS dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dan Datuk Asri. Semasa PAS dipimpin oleh Datuk Asri, Ustaz Bakar memainkan peranan sebagai penggerak utama di belakang penubuhan Kerajaan Campurani (1973-1977).

---



---

Kekalahan ini mendorong beliau untuk mengupas keadaan yang berlaku dalam PAS, kebanyakannya diluahkan dalam akhbar-akhbar tabloid pada akhir tahun 1980an. Namun peranan beliau sebagai salah seorang pemimpin PAS yang berwibawa akan tererap dan terpatat dalam sejarah parti tersebut.

---

Asri. Semasa PAS dipimpin oleh Datuk Asri, Ustaz Bakar memainkan peranan sebagai penggerak utama di belakang penubuhan Kerajaan Campuran (1973-1977). Sungguhpun beliau dipecat daripada PAS pada 26 April 1974, Ustaz Bakar diterima semula dalam parti itu pada bulan Februari 1983, dua tahun selepas pulang dari Universiti Kent dengan ijazah M. Phil. Bahkan Ustaz Bakar terpilih untuk menganggotai Jawatankuasa Agung PAS di Muktamar PAS tahun 1983 tanpa hadir di bawah pimpinan Haji Yusoff Rawa.

Ustaz Abu Bakar Hamzah menjadi pensyarah di Universiti Malaya di antara 1984-1988 dan dalam tahun 1985 bertanding menentang Haji Yusof Rawa, Presiden PAS, dan juga untuk jawatan Naib Presiden. Kekalahan ini mendorong beliau untuk mengupas keadaan yang berlaku dalam PAS, kebanyakannya diluahkan dalam akhbar-akhbar tabloid pada akhir tahun 1980an. Namun peranan beliau sebagai salah seorang pemimpin PAS yang berwibawa akan tererap dan terpatat dalam sejarah parti tersebut.

## Rahim Zain

**Rahim Zain** dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan. Beliau bersekolah di Sekolah Majlis Ugama Islam, dan kemudian di Isiah School, sebelum bertukar ke Ismail English School dan kemudian ke Sekolah Menengah Sultan Ismail College, semuanya di Kota Bharu. Selepas itu beliau melanjutkan pengajian ke Malay College Kuala Kangsar dan University Malaya. Semasa dalam Perkhidmatan Awam Malaysia beliau melanjutkan pengajian ke Holland, England, dan Jepun.

Beliau banyak menulis kertas-kerja disamping menulis dalam akhbar tempatan, kebanyakannya mengenai politik dan pentadbiran. Rahim Zain aktif dalam menghadiri perbincangan dan diskusi politik. Buku beliau, *Kelantan-Siapa Berani Cabar?* akan membongkar gelodak kepimpinan Melayu Kelantan sambil mempersoalkan kejujuran mereka memimpin negeri Melayu yang termiskin. Dengan gaya penulisan yang tajam dan berterus-terang, Rahim Zain akan mengejutkan ramai pemimpin Melayu, khususnya di Kelantan.



Rahim Zain



Dr. Alias Mohamed

## Dr. Alias Mohamed

**Dr. Alias Mohamed** dilahirkan di Kelantan dan mendapat didikan di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Maktab Perguruan Harian Seremban, University of New Brunswick, Canada dan University Malaya.

Beliau bermula dengan menjadi guru, kemudian wartawan *Berita Harian* dan *New Straits Times* sebelum menjadi Pensyarah Universiti dan kemudian dilantik menjadi *Attaché* Penerangan di Kedutaan Malaysia di Kanada. Selepas bertugas sebagai diplomat, Dr. Alias dilantik menjadi Pengurus Besar Kumpulan Insular dan kemudian Setiausaha Akhbar kepada Timbalan Perdana Menteri.

Beliau aktif menulis buku, rencana akhbar dan kertas-kerja seminar serta ceramah politik disamping berniaga.